

Makalah / Articles

Situasi, Peristiwa dan Lakuan Bahasa dalam *Kalang Sama*

Situations, Events and Language Behaviour in the *Kalang Sama*

SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

ABSTRAK

Terdapat pelbagai bentuk genre yang dimiliki oleh masyarakat Bajau. Antaranya ialah Kalang Sama yang masih lagi sangat digemari dan dinyanyikan dalam kalangan masyarakat Bajau di daerah Kota Belud. Dengan menggunakan pendekatan wacana, makalah ini diusahakan untuk meneliti aspek-aspek lokosioner dan ilokusioner yang terdapat dalam nyanyian Kalang Sama.

Kata kunci: Bahasa Bajau, sosiolinguistik, genre Bajau, lakuan bahasa, nyanyian lisan

ABSTRACT

There are various folk genres belonging to the Bajau society. Among them is the Kalang Sama, a popular folk song, sung by the the Bajaus in Kota Belud. Utilising the discourse approach, this paper focuses on the locutionary and illocutionary aspects found in the Kalang Sama.

Keywords: the Bajau language, sociolinguistics, the Bajau Genre, language behaviour, oral poetry

PENDAHULUAN

Hubungan antara bahasa dan komunikasi tiada sempadan – bagai laut dengan pantai. Tanpa bahasa, komunikasi tidak dapat dijalankan. Tanpa keperluan untuk berkomunikasi, bahasa menjadi tidak berguna. Komunikasi sentiasa wujud sejak bermulanya tamadun manusia. Komunikasi sentiasa memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia dan penguasaannya akan mempengaruhi keberkesanan kehidupan manusia. Manusia berkomunikasi kerana pelbagai sebab seperti ingin memahami manusia lain, ingin memahami kejadian yang berlaku dan ingin memahami dunia di sekelilingnya.

Bahasa sebenarnya mempunyai fungsi yang amat penting bagi manusia, terutama fungsinya sebagai alat perhubungan. Sejumlah ahli bahasa telah memberi perhatian yang besar terhadap fungsi bahasa. Halliday (1973: 11-15) misalnya ada mengemukakan tujuh fungsi bahasa, iaitu fungsi instrumental (*the instrumental function*); fungsi pengendalian (*the regulatory function*); fungsi pemerian (*the representational function*); fungsi interaksi (*the interactional function*); fungsi peribadi (*the personal function*); fungsi heuristik (*the heuristic function*) dan fungsi imaginasi (*the imaginative function*). Ketujuh-tujuh fungsi bahasa tersebut saling mengisi dan saling memperlengkapkan antara satu sama lain dan bukan saling membezakan

(Brown 1980: 104-105). Dengan perkataan lain, kita dapat mengatakan bahawa kesemua tuturan mempunyai fungsi pelbagai (*all utterances are multi-functional*) (Stubbs 1983: 47).

LATAR MASYARAKAT PENDUKUNG

Sudah sebatian dengan dunia pertanian menyebabkan kebanyakan dari anggota masyarakat Bajau masih mempertahankan pekerjaan tradisi sehingga kini. Meskipun dunia sekitar telah banyak berubah mengikut edaran zaman, namun kebanyakan generasi Bajau telah menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi dan pengetahuan moden dalam dunia pertanian. Bukan persoalan hidup dalam dunia pertanian yang mahu dipersoalkan. Hal yang lebih penting adalah usaha untuk memelihara dan memulihara khazanah tradisi yang tidak mampu dipertahankan atau disesuaikan dengan arus moden.

Generasi Bajau masih mempertahankan Lembah Tempasuk sebagai tempat kediaman utama mereka sejak berkurun lamanya. Masyarakat Bajau di daerah ini masih menghargai aliran sungai Tempasuk yang berlatarkan Gunung Kinabalu dan berasaskan lembah hijau sebagai pusat petempatan utama di pantai barat Sabah. Daerah Kota Belud menjadi nadi utama masyarakat Bajau di residensi pantai barat Sabah. Mereka sebagaimana yang

diketahui turut dikenali sebagai Bajau Darat. Kebanyakan dari anggota masyarakat ini lebih gemar dikenali sebagai Sama, satu panggilan yang sentiasa digunakan apabila anggota-anggota masyarakat ini bertemu. Yang membezakan antara mereka adalah kawasan kediaman, dengan demikian lahir pula istilah Sama yang dirujuk kepada panggilan setiap masyarakat Bajau dari daerah yang berlainan, misalnya Sama Tuaran, Sama Papar, Sama Kinarut, Sama Kota Belud, Sama Kudat, Sama Semporna dan sebagainya. Bajau hanya digunakan untuk merujuk kelompok ini oleh masyarakat lain. Jadi tidak timbul persoalan kelompok Sama mana yang lebih jati. Yang penting, keutuhan tersebut dipelihara dengan wujudnya persamaan dan perbezaan antara kelompok-kelompok Sama ini.

Suatu ketika dahulu, dikatakan bahawa masyarakat Bajau di kawasan pantai barat Sabah juga merupakan sebahagian daripada masyarakat Bajau di kawasan pantai timur Sabah. Perubahan bentuk pekerjaan, perbezaan struktur bahasa, pengamalan budaya yang mempunyai persamaan dan perbezaan, inti kebudayaan yang tidak begitu memperlihatkan persamaan telah mengubah penampilan dan watak kedua-dua kelompok Bajau ini. Mereka kemudiannya dipisahkan dengan dua panggilan utama, iaitu Bajau Darat dan Bajau Laut. Bajau Darat dirujuk khusus untuk masyarakat Bajau dari kawasan pantai Barat Sabah, manakala Bajau Laut pula dirujuk kepada masyarakat Bajau di kawasan pantai timur Sabah. Penggunaan istilah Bajau Laut itu sebenarnya tidak digemari oleh mereka. Malah, terdapat banyak istilah yang dirujuk kepada kelompok Bajau di pantai timur Sabah. Satu panggilan yang mungkin dianggap lebih sesuai adalah Sama Delau yang mungkin boleh diambil kira sebagai panggilan yang lebih menyenangkan berbanding dengan panggilan Bajau Laut.

Di Malaysia, orang-orang Bajau boleh ditemui di Sabah, yakni di residensi pantai barat yang merangkumi daerah-daerah Kota Belud, Kudat, Tuaran, Kota Kinabalu dan Papar, manakala di pantai timur Sabah mereka

mendiami daerah Semporna, Lahad Datu dan Tawau. Di Filipina pula, orang-orang Bajau menduduki wilayah selatan negara itu dan di Indonesia mereka mendominasi Nusa Tenggara Sumatera, pulau Sulawesi selain di Maluku, Flores serta pulau-pulau di Kalimantan timur.

BUDAYA LISAN

Setiap hasil sastera mencerminkan keadaan masyarakat pada waktu itu, khususnya susunan masyarakat bangsa itu sendiri dari segi lahir dan batinnya. Tinggi atau rendahnya tamadun sesuatu bangsa dapat dikaji daripada hasil-hasil sastera bangsa itu pada suatu masa tertentu dan dibandingkan hasil penyelidikan itu dengan hasil-hasil sastera bangsa-bangsa asing pada masa yang sama juga, sepertimana yang diperkatakan oleh Yahaya Ismail (1963: 417) berhubung dengan hasil kesusasteraan bagi melambangkan pemikiran, falsafah, pendapat dan jiwa masyarakat di tempat dan zaman ia tercipta. Sehubungan itu, penelitian penggunaan bahasa dalam sesuatu hasil sastera turut mendapat tempat dan perhatian di kalangan ahli-ahli bahasa, yang mahu meneliti karya-karya sastera dan meneliti penggunaan bahasa sama ada bersifat fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, pragmatik ataupun sosiolinguistik. Usaha-usaha penelitian sedemikian semakin berkembang dan berupaya dikembangkan lagi bagi berkongsi pemikiran, falsafah dan jiwa masyarakat pendukung bahasa dan sesuatu karya itu.

Pola tatanan kehidupan dan latar belakang sosiobudaya dapat digali melalui tradisi-tradisi yang ada dalam sesebuah masyarakat. Salah satu penggalian dan pengkajian tradisi dalam masyarakat dapat dilakukan melalui penggalian dan pengkajian tradisi lisan atau sastera lisan. Tradisi lisan atau sastera lisan merupakan cermin budaya masyarakat (Finnegan 1977). Sastera sebagai cermin budaya dan pandangan hidup masyarakat sangat dirasakan dalam sastera tradisional. Sastera rakyat

JADUAL 1. Jumlah Penduduk Bajau Mengikut Daerah Pentadbiran, Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan.

Daerah	Jumlah (Orang)	Daerah	Jumlah (Orang)
Tawau	27,984	Kota Marudu	8,425
Lahad Datu	31,589	Pitas	3,391
Semporna	63,008	Beaufort	1,873
Sandakan	37,705	Kuala Penyu	1,675
Kinabatangan	1,228	Sipitang	858
Beluran	3,654	Tenom	891
Kota Kinabalu	60,857	Nabawan	90
Ranau	765	Keningau	3,903
Kota Belud	26,054	Tambunan	226
Tuaran	25,238	Kunak	10,254
Penampang	11,810	Tongod	160
Papar	14,274	Wilayah Persekutuan Labuan	4,015
Kudat	7,266	Sabah	343,178

Sumber: Jabatan Perangkaan Sabah (2005: 11)

ini merupakan sastera yang secara komunal menjadi milik rakyat, diturun-temurunkan sejak nenek moyang secara lisan. Kendatipun hanya sekadar sebagai tradisi lisan, sastera semacam itu justeru merupakan cermin nilai-nilai kehidupan yang intisarinya daripada masyarakat yang berkenaan. Untuk maksud penelitian ini, istilah tradisi lisan dan sastera lisan akan saling digunakan secara saling berganti.

Tradisi lisan didakwa sebagai corak kesusasteraan tertua, kerana sebelum terdapat sistem tulisan, manusia bercerita secara lisan sahaja. Tradisi lisan dikatakan penghasilan sastera di kalangan rakyat dan mencerminkan perjalanan masa, dan pemupukan unsur-unsur budaya yang dilalui pendukungnya. Tradisi lisan bukanlah sesuatu yang pelik atau fenomena luar biasa dalam budaya manusia, malah, ia juga bukanlah artifak yang terpendam sekian lama dan muncul kemudiannya dalam era moden. Tradisi lisan telah lama wujud dalam kelompok yang masyarakatnya tidak tahu membaca. Ia boleh didengar dan dikesan di seluruh dunia sejak dahulu hingga kini. Pelbagai jenis puisi lisan boleh didapati, antaranya puisi pengubatan bangsa Eskimo atau Maori, hingga ke zaman pertengahan di Eropah dan balada dari China, atau puisi berbentuk epik dari zaman pra klasik Greek. Puisi lisan tidaklah berupa bahan dalam kelompok atau kategori yang lapuk. Ia masih berlegar di sekeliling kita. Malah, pendefinisian terhadap tradisi lisan perlu turut memasukkan kategori balada dan lagu rakyat, sama ada berbentuk moden atau tradisional yang dinyanyikan di Kepulauan British, nyanyian rakyat dalam versi Negro Amerika, lagu-lagu terkenal yang berkumandang menerusi corong-corong radio dan televisyen seperti lagu-lagu rakyat yang dinyanyikan oleh penyanyi-penyanyi generasi baru di Malaysia, seperti S. M. Salim, Siti Norhaliza, Noraniza Idris, Nora dan lain-lain lagi, lagu-lagu rakyat yang dinyanyikan dengan cara beremosi oleh ahli-ahli gereja di Amerika Selatan, atau lagu kanak-kanak yang dipopularkan seperti lagu Bangau oh Bangau, Rasa Sayang, Burung KeneK-KeneK, Walinong Sari, Indung-Indung dan lagu-lagu lain.

Tradisi lisan bukan sahaja dihargai oleh peminatnya, tetapi ia turut menarik perhatian para pengkaji daripada pelbagai bidang. Tradisi lisan bertulis dapat membekalkan bahan-bahan kajian yang boleh menyelongkar kandungan sebenar atau maksud tersirat di dalam bahan-bahan tersebut. Banyak kajian telah dilakukan oleh para pengkaji yang akhirnya memaparkan bentuk-bentuk lisan yang berkualiti. Antaranya puisi Homer, *Iliad* dan *Odyssey* atau Epic *Gilgamesh* (Finnegan 1992: 5). Selain itu, bahan-bahan berupa puisi lisan ini turut menarik perhatian para pengkaji dari bidang antropologi dan etnografi. Bahan-bahan seperti puisi berbentuk mantera, bacaan-bacaan semasa sembahyang di kalangan kelompok Zulu atau lirik puisi bangsa Maori turut berupaya digunakan sebagai bahan kajian. Sesungguhnya, puisi lisan telah menarik perhatian ramai pengkaji dari seluruh dunia,

sama ada bersifat amatir atau profesional. Minat tersebut ditunjukkan dalam pelbagai bentuk – di bawah nama kajian tradisi masyarakat sebagai sebahagian kebudayaan suatu kolektif, yang tersebar dan diwariskan turun temurun (*Folklore*), ia telah berkembang dan tersebar selama hampir dua abad, sama ada dalam bentuk pengumpulan bahan mentah; kajian popular atau tradisi termasuk bentuk puisi dan lagu. Terdapat banyak contoh-contoh tradisi lisan yang telah dikaji oleh para peneliti dari seluruh dunia. Sekadar menyebut beberapa nama, antaranya Overbeck (1922), Dundes (1965), Lord (1965), Winstedt (1969), Sweeney (1980), Daillie (1988), Phillips (1981), Ong (1982) dan Finnegan (1992).

KALANG SAMA

Kalang Sama merupakan salah satu nyanyian rakyat yang dimiliki suku kaum Bajau. Di Borneo, orang-orang Bajau boleh ditemui di Sabah terutama di sepanjang pantai barat Sabah, bermula dari daerah Kudat sehingga ke Sipitang. Namun, tumpuan penelitian ialah di daerah Kota Belud yang didominasi oleh suku kaum Bajau. Suku kaum Bajau di daerah ini masih lagi mengekalkan budaya tradisi ekspresif yang hanya digemari oleh kalangan generasi tua sahaja. Memandangkan *Kalang Sama* semakin tidak menarik perhatian generasi muda dan generasi tua yang mengetahui *Kalang Sama* semakin berkurangan, maka *Kalang Sama* menjadi salah satu tarikan budaya yang menarik.

Kalang Sama dicipta dalam susunan kata-kata yang padat mengikut peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan. Peraturan yang disusun misalnya, dari segi suku kata dan rima pada penghujung yang sesuai adalah berasaskan kepada keperluan pernyataan yang disampaikan secara lisan. Menerusi *Kalang*, pemantunnya dapat menyampaikan pengajaran, sindiran, rasa hati, perasaan dan hiburan dengan cara yang berkesan. Penyampaiannya, dengan memilih kata-kata yang bersesuaian dan rima menarik boleh membawa pengertian mendalam kepada pendengar. Keseimbangan rima dan rangkap selalu ditekankan dalam pembinaan *Kalang*. Dalam keadaan ini, pendengar dan pemantun dapat menilai dan membezakan antara *Kalang* yang baik dan sebaliknya. Pemilihan dan susunan kata-kata yang memperlihatkan keseimbangan amat ditekankan kerana penciptaan sedemikian akan melambangkan keharmonian pemikiran ahli-ahli masyarakat tersebut. Berdasarkan contoh-contoh *kalang* yang diberikan, dapat diteliti rima akhir yang berbeza antara satu *Kalang* dengan *Kalang* yang lain, iaitu a-a-a-a; a-b-a-b.

Kalang dihasilkan secara spontan. Penciptaan sebegini lazimnya membawa pengertian mendalam yang disesuaikan dengan suasana tempat *Kalang* dinyanyikan. Kebolehan menghasilkan *Kalang* secara spontan serta dinyanyikan dengan iringan muzik merupakan satu kebolehan yang istimewa dan sangat dihargai

pendengarnya. Susunan struktur pantun itu sebagaimana puisi-puisi tradisional lain menekankan keindahan susunan bunyi yang disampaikan secara lisan. Dalam proses kreativiti (mencipta dan menghasilkan) *Kalang*, penciptanya sering melihat kepada latar belakang mereka sebagai petani. Pekerjaan ini telah mengundang mereka untuk menyatukan unsur-unsur pengetahuan, pengalaman mereka mengharungi hidup, suasana alam sekitar sebagai latar belakang *Kalang*. Jika diperhatikan dengan teliti, terpancar kandungan pemikiran yang tersirat di sebalik bait-bait puisi tradisi ini. *Kalang* yang disertakan berhasil memperlihatkan nilai-nilai muafakat, kesabaran, rendah diri, persaudaraan, keprihatinan, kerjasama dan sikap tolong-menolong di kalangan ahli masyarakat ini. Sesungguhnya, *Kalang-Kalang* tersebut memperlihatkan watak manusia penciptanya. Di dalamnya, terkandung bentuk kegembiraan, kesedihan dan nilai-nilai murni dalam diri manusia penciptanya. Selain itu, penciptanya juga turut menyerlahkan keindahan jagat raya ke dalam *Kalang-Kalang* ini. Keindahan tersebut waima berunsurkan flora atau fauna jelas tergambar dalam setiap bait *Kalang* itu. Keadaan ini membuktikan bahawa latar diri penciptanya begitu akrab dengan alam sehingga tidak dapat memisahkan setiap inci alam daripada *Kalang*.

Pencipta *Kalang* lazimnya amat peka dengan susunan atau peredaran yang dapat diteliti dari keharmonian dan keseimbangan alam sekitar. Melaluinya, mereka dapat menghayati kehalusan dan keindahan alam ciptaan Tuhan. Suasana kehalusan dan keindahan alam sekitar ini dapat memberikan inspirasi yang mempengaruhi rasa hati dan perasaan anggota-anggota masyarakat untuk dinyatakan pula dalam kehidupan harian mereka. Keindahan dan kehalusan budi yang dicipta dan dihasilkan dalam *Kalang* itu disampaikan pula dalam bentuk tradisi budaya ekspresif. Dengan menyampaikan *Kalang* dalam konteks budaya ekspresif itu bermakna keindahan dan kehalusan *Kalang* itu dapat dihayati bersama secara lebih mendalam dan bermakna. Melalui budaya ekspresif itu, anggota-anggota masyarakat dapat merasai keindahan, di samping memberikan mereka hiburan.

Melalui *Kalang Sama*, kita mampu mengesan beberapa unsur yang terselindung di sebalik nyanyian ini. Unsur-unsur tersebut merupakan antara teknik penciptaan dan penyampaian yang dilakukan oleh penyanyinya agar setiap bait *Kalang* itu dapat dinikmati keaslian dan keindahannya oleh pendengar. Secara tidak langsung, tradisi *berkalang* dalam masyarakat Bajau adalah gabungan antara teknik penyampaian dan proses interaksi penyanyi-pendengar yang telah berlaku sejak sekian lama.

KALANG SAMA SEBAGAI STRATEGI INTERAKSI

Untuk mengkaji perilaku interaksi di dalam masyarakat bahasa, kita perlu bekerja dengan unit-unit interaksi.

Hymes (1972) mengemukakan tiga unit bahasa untuk menghuraikan dan menganalisis proses komunikasi, iaitu situasi bahasa (*speech situation*), peristiwa bahasa (*speech event*) dan lakuan bahasa (*speech act*). Unit bahasa disusun pada satu hierarki yang saling berhubungan. Lakuan bahasa yang dianggap unit terkecil menjadi komponen atau sebahagian daripada peristiwa bahasa. Peristiwa bahasa pula adalah sebahagian daripada situasi bahasa.

Hymes turut menegaskan bahawa satu jenis lakuan bahasa boleh terjadi dalam peristiwa-peristiwa bahasa yang berbeza, dan satu jenis peristiwa bahasa boleh terjadi dalam situasi-situasi bahasa yang berbeza pula. Sebenarnya lakuan bahasa merupakan sebahagian daripada peristiwa bahasa dan peristiwa bahasa merupakan sebahagian daripada situasi bahasa. Secara amnya, cara bercakap (*ways of speaking*) mengandungi gagasan peristiwa komunikasi di dalam masyarakat yang mengandungi pola-pola kegiatan bahasa sehingga kecekapan komunikatif seseorang itu mencakup pengetahuan tentang pola itu. Tatacara itu mengacu kepada hubungan antara peristiwa bahasa, lakuan bahasa dan gaya bahasa.

Hymes (1972) mengemukakan satu kaedah untuk menghuraikan peristiwa bahasa menerusi *SPEAKING* yang mewakili aspek-aspek berikut – latar (*setting & scene*); pemeran (*participants*); tujuan (*end-purpose & goal*); rantaian tindakan (*act sequences*); nada (*keys-tone or spirit of act*); alat (*instruments*); norma interaksi dan interpretasi (*norms of interaction & interpretation*); dan genre (*genre*). Kaedah yang dikemukakan oleh Hymes memperlihatkan betapa kompleksnya peristiwa bahasa yang kita alami sehari-hari.

Komponen tutur yang diajukan Hymes itu dalam rumusan lain tidak berbeza dengan idea yang dikemukakan oleh Fishman (1972), iaitu *who speaks, what, to whom, when and to what end*. Oleh itu, fungsi-fungsi bahasa antara lain dapat dilihat dari sudut penutur, pendengar, topik, kod dan mesej. Hal ini jelas diperkatakan oleh Saville-Troike (1996: 363) sebagai berikut:

Communication competence extends to both knowledge and expectation of who may or may not speak in certain settings, when to speak and when to remain silent, whom one may speak to, how one may talk to persons of different statuses and roles, what non-verbal behaviors are appropriate in various contexts, what the routines for turn-taking are in conversation, how to ask for and give information, how to request, how to offer or decline assistance or cooperation, how to give commands, how to enforce discipline, and the like – in short, everything involving the use of language and other communicative dimensions in particular social settings.

Strategi komunikasi secara tidak langsung sebenarnya melibatkan lakuan dan peristiwa bahasa yang digunakan oleh penutur atau pemeran yang terlibat. Setiap kali ujaran dituturkan oleh penutur, mereka mempunyai kehendak yang perlu disampaikan dan didengar serta diketahui

pendengar. Tuturan itu kemudiannya bertukar menjadi perlakuan yang dilakukan.

Sebagai salah satu alat interaksi sosial, *Isun-Isun* dapat dianggap dan dinilai sebagai saluran interaksi sosial tergantung kepada tujuan dan konteks yang melatari peristiwa bahasa ini. Dengan demikian, secara tidak langsung interaksi menggunakan *Isun-Isun* dapat memaparkan pernyataan pemikiran, pernyataan perasaan, kehendak dan nilai serta norma sebenar dalam interaksi.

SITUASI BAHASA

Hymes (1972: 56) mendeskripsikan situasi bahasa sebagai satu situasi yang dikaitkan dengan pertuturan. Situasi bahasa seperti upacara, pergaduhan atau pemburuan ini mempunyai sempadan yang jelas. Bagi Hymes, suatu situasi bahasa dapat dideskripsikan daripada beberapa aspek. Suatu pendeskripsian sosial yang umum akan dikaitkan dengan aktiviti sosial seperti menangkap ikan dan sebagainya. Suatu pendeskripsian yang khusus pula mungkin dikaitkan dengan suatu aktiviti politik, estetik, dan sebagainya.

Bagi Saville-Troike (1991), situasi bahasa adalah konteks di mana komunikasi itu berlaku. Situasi itu mungkin kekal sama walaupun berlaku perubahan pada lokasi seperti dalam bas, kelas atau café, atau ia mungkin berubah walaupun di lokasi yang sama jika aktiviti-aktiviti yang berbeza berlaku pada masa-masa yang berlainan. Sesuatu situasi akan mengekalkan bentuk umum aktiviti-aktiviti yang konsisten dan juga mengekalkan keseluruhan ekologi yang sama dalam masa komunikasi itu berlaku, walaupun mungkin terdapat kepelbagaian dalam jenis-jenis interaksi yang berlaku di situ.

Menerusi teks *Kalang Sama* latar tempat berlakunya situasi bahasa ini adalah dalam sebuah kampung di sebuah rumah yang dihuni oleh sepasang suami isteri, yang juga merupakan pasangan penyanyi *Kalang Sama*. Situasi bahasa ini dapat diketahui melalui contoh berikut:

1. a. **Beran ku kau bana rojo dik masakin.**
Saya memberitahu sesungguhnya (saya ini) raja miskin.
- b. **Amun dik niaq dasar tanaq labuq no entanaq.**
Jika tiada lantai sudah jatuh ke tanah.
- c. **Niaq no aku padul piyan jono kak.**
Saya tidak peduli bagaimana juga abang.
- d. **Sukur jono kak temban un tungan ku temban.**
Asal sahaja abang ada tempat saya tinggal.
2. a. **Songom teq betiru kekuri doq kiti.**
Kita bermain (menyanyi) pada malam ini.
- b. **Sempena nambut anak dinakan.**
Sempena menyambut sanak saudara.
- c. **Bana sigoq kak ling nu pen teq.**
Benar juga abang kata kamu itu.

- d. **Kerna teq gai tu pen pitu jarang teq pitu.**
Kerana mereka ini jarang ke mari.
- e. **Anak dinakan sambut ti doq kak.**
Kita sambut dahulu sanak saudara.
- f. **Maklum jarang bana pitu sigoq gai.**
Maklum mereka jarang benar ke mari.

Kedua-dua contoh di atas menunjukkan situasi bahasa yang terdapat dalam *Kalang Sama*. Latar *Kalang Sama* ini adalah di sebuah rumah usang sebagaimana yang dinyatakan menerusi contoh *amun dik niaq dasar tanaq labuq no entanaq* (jika tiada lantai sudah jatuh ke tanah). Ayat ini tidak menyatakan secara langsung berhubung dengan rumah yang dimaksudkan, sebaliknya pernyataan tentang usangnya rumah milik pemeran A digambarkan dengan kata bergaris dalam contoh 1(b) di atas, iaitu kata *dasar*, yang bermaksud lantai rumah. Ini bermakna latar situasi bahasa ini dengan jelas dapat diketahui dengan cara nyanyian itu disampaikan. Perkara ini disokong pula dengan contoh 1(d) *sukur jono kak temban un tungan ku temban* (asal sahaja abang ada tempat saya tinggal). Dalam contoh 1(d), pemeran B menggunakan frasa *un tungan ku temban* (ada tempat saya tinggal) bagi menjelaskan perihal rumah kepada pemeran A.

Menerusi contoh 2, kita dapat mengetahui bahawa nyanyian *Kalang Sama* ini dilagukan pada waktu malam. Hal ini dapat diketahui melalui contoh ayat 2(a) *songom teq betiru kekuri doq kiti* (kita bermain (menyanyi) pada malam ini). Sememangnya dalam budaya Bajau, *Kalang Sama* tidak pernah dinyanyikan pada siang hari kerana kebanyakan orang akan keluar bekerja, hanya kaum wanita, kanak-kanak dan orang tua sahaja yang tinggal di rumah. Oleh kerana nyanyian ini perlu diperdengarkan kepada seluruh anggota masyarakat, maka nyanyian ini didendangkan pada waktu malam. *Kalang Sama* turut berfungsi sebagai alat hiburan semasa zaman kegemilangannya dahulu.

Selain itu, contoh 2(a) di atas juga menggambarkan konteks situasi untuk mengadakan satu acara keramaian kerana contoh ini ditandai dengan kata *kekuri* (bermain). Acara *kekuri* itu diadakan dengan maksud untuk menyambut kedatangan tetamu (yang terdiri daripada saudara mara si penyanyi). Acara ini berlatarkan sebuah rumah di sebuah kampung dan acara ini diadakan pada waktu malam, yakni bermula selepas solat isyak sehinggalah ke dini hari, yakni sebelum solat subuh. Situasi bahasa ini terdiri daripada peristiwa bahasa yang bersifat komunikatif dan terbatas kepada kegiatan lakuan bahasa yang telah ditentukan.

Contoh 2 juga menunjukkan tujuan atau maksud situasi bahasa itu berlangsung, yakni dengan pernyataan melalui ayat 2(b) *sempena nambut anak dinakan* (sempena menyambut sanak saudara) dan 2(e) *anak dinakan sambut ti doq kak* (kita sambut dahulu sanak saudara). Kedua-dua contoh ini memperlihatkan kehendak tuan rumah untuk meraikan sanak saudara yang datang menziarahi mereka. Memandangkan mereka jarang bertemu, maka untuk

menunjukkan rasa besar hati tuan rumah lantas nyanyian *Kalang Sama* dilagukan.

Dalam sesetengah keadaan, satu ayat seperti *sempena nambut anak dinakan* (sempena menyambut sanak saudara) boleh menjadi peristiwa bahasa. Namun, biasanya kita dapat melihat dengan jelas kewujudan ketiga-tiga urutan proses berbahasa ini seperti dalam suatu upacara (situasi bahasa), ada perbualan atau interaksi berlangsung (peristiwa bahasa) dan di dalam perbualan atau interaksi itu terdapat soalan atau lawak (lakuan bahasa).

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa situasi bahasa dalam *Kalang Sama* secara tidak formal, yakni berlaku dalam suasana yang santai pada waktu malam di sebuah rumah usang dalam sebuah kampung, yakni di rumah penyanyi *Kalang Sama*. Situasi *Kalang Sama* di sini dihadiri oleh anggota keluarga yang telah lama tidak ditemui dan kedatangan mereka diraikan dalam suatu suasana yang mesra, iaitu dengan persembahan *Kalang Sama*.

PERISTIWA BAHASA

Peristiwa bahasa terjadi apabila wujud interaksi antara dua pihak, iaitu penutur dan lawan tutur, dengan satu topik ujaran atau perbincangan, dalam waktu, tempat dan situasi tertentu. Hymes (1972: 56) mendefinisikan peristiwa bahasa sebagai *activities, or aspects of activities, that are directly governed by rules or norms of the use of speech*. Jadi, interaksi yang berlaku antara seorang penjual dan pembeli di pasar misalnya, pada waktu tertentu dengan menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi adalah satu peristiwa bahasa. Peristiwa bahasa yang sama kita temui juga dalam suasana perbincangan di bilik kuliah, mesyuarat di pejabat, proses perbicaraan di mahkamah dan sebagainya. Dengan lain perkataan, peristiwa bahasa adalah kegiatan bahasa yang melibatkan pemeran, latar, saluran interaksi, kandungan perbualan, peraturan interaksi dan struktur interaksi.

Contoh:

3. a. **Dembuaq batu boi no ku ngendoq.**
Saya sudah mengambil sebiji batu.
- b. **Ai enaq ku dik lodo taq poon lodo.**
Saya letakkan di bawah pokok lada.
- c. **Boq ni sitemu kiti tu betiru.**
Kita baru berjumpa hari ini.
- d. **Minggo ka sigoaq kampung nu tungan dik kampung nu?**
Di manakah letak kampung kamu?
4. a. **Meli tembuku iko kak jomo.**
Ramai orang membeli butang abang.
- b. **Run no dangan taq tipo boi meli tipo.**
seseorang sudah membeli tikar.
- c. **Nilau kampung ku amun seb teq kau.**
Jika kamu menanyakan kampung saya..

- d. **Kampung ku kak leq tiyo telampau tiyo.**
Kampung saya abang (letaknya) terlalu jauh
5. a. **Ngendoq dik pendodo rinsak no peranak.**
Budak-budak riuh mengambil buah pendodo.
- b. **Run dik dangan ea badu niaq makai badu.**
Ada seseorang itu adik baju tidak memakai baju.
- c. **Telampau tiyo amun pen baraq nu.**
Jika kata kamu terlalu jauh.
- d. **Dangai batu teq mitu lekat dik mitu?**
Berapa batu (jauhnya) dari sini?
6. a. **Boi ngonon tipo rinsak no jomo.**
Orang-orang riuh menganyam tikar.
- b. **Run dangan ea enselan ngenaq enselan.**
Seseorang itu mengisi minyak.
- c. **Amun niaq lupu diom ingoton ku.**
Jika tidak lupa dalam ingatan saya.
- d. **Lanan dembuan taq lan entengaq lan.**
Perjalanan sebulan di tengah jalan.

Contoh 3 hingga 6 menunjukkan wujudnya peristiwa bahasa dalam *Kalang Sama*. Keempat-empat contoh tersebut memperlihatkan interaksi antara pemeran A dan pemeran B. Dalam contoh 3, pemeran A menanyakan di mana kampung pemeran B, manakala melalui contoh 4 pula, pemeran B menjelaskan yang letak kampungnya terlalu jauh. Pemeran A bertanya lagi berapa batu jauh kampung pemeran B menerusi contoh 5, dan pemeran B menjawab soalan tersebut dengan menggambarkan jarak kampungnya adalah selama sebulan tempoh perjalanan yang ditunjukkan melalui contoh 6.

Keempat-empat contoh tersebut memperlihatkan aktiviti-aktiviti interaksi, yakni wujud perbualan antara pemeran A dan pemeran B. Pemeran B cuba menyampaikan informasi tentang dirinya berpandukan norma-norma penggunaan bahasa seperti wujudnya unsur kesantunan sepertimana contoh 6 *amun niaq lupu diom ingoton ku, lanan dembuan taq lan entengaq lan* (Jika tidak lupa dalam ingatan saya, perjalanan sebulan di tengah jalan) bagi menjelaskan betapa jauhnya jarak kampung asalnya.

Memandangkan peristiwa bahasa melibatkan komponen-komponen seperti pemeran, latar, saluran interaksi, kandungan perbualan dan sebagainya, adalah perlu bagi sesuatu peristiwa bahasa itu mempunyai urutan perbualan yang berkesinambungan bagi membolehkan maklumat-maklumat dalam interaksi itu difahami dengan baik oleh kedua-dua pemeran terlibat. Dengan adanya maklumat-maklumat yang boleh difahami, maka secara tidak langsung lakuan bahasa boleh diperolehi melalui suatu peristiwa bahasa.

LAKUAN BAHASA

Lakuan bahasa merupakan penggunaan bentuk bahasa yang digunakan untuk mewujudkan atau menghasilkan tindakan atau perlakuan. Lakuan bahasa berlainan daripada ayat dan tidak dapat dikaitkan dengan

tahap nahu yang lain. Suatu lakuan bahasa mungkin mempunyai berbagai-bagai bentuk, misalnya suatu ujaran yang berstatus 'perintah' dapat dituturkan dalam berbagai-bagai bentuk. Pertamanya, formula konvensional [*saya, dengan ini memerintahkan awak keluar dari bangunan ini*]; keduanya mengikut intonasi [*keluar!* lawan *keluar?*]; ketiganya, posisi dalam pertukaran perbualan [*hello*], digunakan untuk mengucapkan salam atau sebagai respons bagi menjawab panggilan telefon, dan keempat, hubungan sosial antara dua pihak, yang suatu ujaran yang berupa suatu soalan yang santun, sebenarnya merupakan suatu perintah apabila ujaran ini diujarkan oleh seorang yang berkuasa kepada pekerja atau orang yang di bawah kuasanya. Hal ini diperteguhkan dengan kenyataan Hymes (1971: 62) seperti berikut:

From the standpoint of ethnography of speaking, there is in a community a system of speech acts, a knowledge of kinds and occasions of speech...just so with the status of sentences as acts of speech. A sentence in interrogative form may serve as a question, a reflective statement, a command; a question may be expressed in interrogative or declarative form. In general, the function of an interrogative, declarative, or imperative form of sentence is not uniquely given in virtue of that form; the same functions may be served by different forms.

Bagi Hymes, lakuan bahasa merupakan hubungan kait antara tahap nahu dengan peristiwa bahasa atau situasi bahasa. Oleh itu, lakuan bahasa memperlihatkan ciri linguistik dan norma sosial. Sarjana bahasa umumnya berpendapat bahawa persoalan lakuan bahasa dilihat dalam konteks yang lebih luas, bukan sahaja dari aspek nahu tetapi juga dari aspek fungsi lakuan bahasa tersebut dalam situasi dan masyarakat.

Dalam hal lakuan bahasa ini, kita menggunakan bahasa untuk tujuan tertentu dan menghuraikan sesuatu hanyalah sebagai salah satu kegunaan bahasa. Kita juga menggunakan bahasa, misalnya untuk berjanji, untuk menampelak, untuk bersetuju, untuk mengkritik dan sebagainya.

Contoh:

7. a. **Delamba sirih boi no ku ngendoq.**
Saya mengambil sehelai sirih.
- b. **Sayang pen temban taq batu taq jataq batu.**
Sayangnya tertinggal di atas batu.
- c. **Uleq ti kekuri paad ni niaq taa.**
Kita bermain (menyanyi) tempohnya tidak lama.
- d. **Run niat dik atai ku.**
Ada niat di hati saya.
8. a. **Boi nepeq bungo iyan sik peranak.**
Budak-budak memetik bunga.
- b. **Sayang layu padang taq tengaq padang.**
Sayang layu di tengah padang.
- c. **Niat atai nu iyan ka sigoa kak?**
Apakah niat di hati kamu abang?
- d. **Suba kian kau petarang maraq petarang.**
Cuba kamu berterus-terang.

Contoh 7 menunjukkan wujudnya lakuan pernyataan yang cuba ditonjolkan oleh pemeran A, yakni dengan menyatakan *run niat dik atai ku* (ada niat di hati saya) yang mana pemeran A mempunyai kehendak atau niat yang mahu dinyatakan kepada pemeran B. Manakala menerusi contoh 8 pula diperlihatkan wujudnya lakuan bahasa pertanyaan yang digunakan oleh pemeran B, yakni dengan menggunakan ayat *niat atai nu iyan ka sigoa kak?* (apakah niat di hati kamu abang). Kedua-dua contoh lakuan bahasa ini menunjukkan bahawa dalam *Kalang Sama* juga terdapat bentuk-bentuk lakuan bahasa yang boleh dilihat seterusnya dalam perbincangan berikut.

LAKUAN BAHASA DALAM KALANG SAMA

Jenis-jenis lakuan bahasa dalam *Kalang Sama* boleh dibincangkan menggunakan kaedah lakuan bahasa yang dikemukakan oleh Austin (1962). Beliau menyatakan terdapat tiga bentuk lakuan bahasa. Pertama, Lokusioner, yakni gerak laku menuturkan satu-satu ayat dengan makna tertentu; kedua, Ilokusioner, iaitu penutur mungkin berniat bahawa ujarannya itu sebagai satu gerak laku seperti memuji, mengkritik, bersetuju dan lain-lain; dan ketiga, Perlokusioner, di mana penutur itu mungkin menuturkan ayat yang telah diujarkan untuk mendapatkan satu tindak balas yang langsung daripada pendengarnya. Misalnya untuk menakutkan pendengar, menyuruhnya melakukan sesuatu, menyenangkan hatinya dan sebagainya (Austin 1962: 94).

Dalam *Kalang Sama* terdapat tujuh jenis lakuan bahasa, iaitu lakuan pernyataan, lakuan pertanyaan, lakuan perintah, lakuan larangan, lakuan pemesraan, lakuan perbandingan, dan lakuan peyakinan. Kesemua jenis lakuan bahasa yang terdapat dalam *Kalang Sama* ini akan dibincangkan berdasarkan tiga bentuk lakuan bahasa yang diberikan oleh Austin (1962), yakni lokusioner, ilokusioner dan perlokusioner.

LOKUSIONER

Lokusioner adalah penghasilan ujaran yang bermakna, iaitu ujaran bunyi-bunyi tertentu (fonetik dan fonologi), ujaran perkataan-perkataan tertentu dalam satu konstruksi dan ujaran tersebut dengan 'makna' tertentu menurut maksud perkataan, iaitu dengan maksud tertentu dan rujukan tertentu (Austin 1962: 94). Dengan lain perkataan, *the locutionary act is an act of saying*, iaitu bagaimana ujaran menggunakan bunyi-bunyi tertentu untuk binaan tertentu di dalam ayat (morfologi), menghasilkan ujaran yang bermakna dengan menggunakan perkataan yang mempunyai asas, yang dapat diterima dan dapat dirujuk. Oleh itu, Lakuan ini merupakan gerak laku menuturkan satu-satu ayat dengan makna tertentu, yakni lakuan yang mempunyai matlamat ujaran, fungsi dan tujuan yang dikehendaki. Lakuan lokusionari hanya dapat ditunjukkan menerusi kaedah lakuan pernyataan.

Wacana *Kalang Sama* menggunakan bentuk kaedah pernyataan biasa bagi menyatakan informasi tentang sesuatu. Dalam hal ini, pernyataan tidak seragam sifatnya. Ada yang hanya memberitahu atau memaklumkan, ada yang memberitahu tentang ruang dan ada yang memberitahu tentang lama masa sesuatu khabar itu. Dalam *Kalang Sama*, kaedah pernyataan dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pernyataan neutral dan lakuan pertanyaan.

LAKUAN PERNYATAAN NEUTRAL

Dengan pernyataan neutral ini dimaksudkan jenis pemberitahuan yang tidak diwarnai oleh penilaian atau sikap (Asmah Hj. Omar 1992: 4). Misalnya,

9. **Kiti bedinakan ai no sitemu.**
Kita bersaudara telah (-lah) berjumpa.
10. **Kiti sitemu jarang dik sitemu.**
Kita bertemu jarang adik bertemu.
11. **Aku nut jo engkau.**
Saya mengikut pada kamu sahaja..
12. **Gai tu pen pitu jarang teq pitu.**
Mereka ini juga ke mari jarang PEN ke mari

Contoh di atas hanya bertujuan untuk menyampaikan berita sahaja, yakni berita tentang kehadiran sanak saudara, dan berita nyanyian akan dipersembahkan. Pernyataan tersebut tidak memerlukan sebarang tindak balas sama ada berbentuk jawapan mahupun lakuan.

LAKUAN PERTANYAAN

Pertanyaan merupakan salah satu lakuan bahasa yang terdapat dalam *Kalang Sama*. Dalam genre *Kalang Sama*, pertanyaan terbuka didapati lebih menyerlah digunakan. Pertanyaan terbuka ditandai oleh salah satu kata tanya seperti apa, siapa, berapa, bila, bagaimana, macam mana, dan sebagainya (Asmah Hj. Omar 1993: 394). Contoh pertanyaan terbuka yang dikemukakan dalam *Kalang Sama* adalah seperti berikut:

13. **Iyan pen teq sigoq pitu maksud gai pitu?**
Apa(kah) maksud mereka ke mari?
14. **Minggo ka sigoq kampung nu tungan dik kampung nu?**
Dimanakah letak kampung kamu?
15. **Dangai batu teq mitu lekat dik mitu?**
Berapa batu dari sini?
16. **Piyan ka uleq nu dik boi pitu boi teko pitu?**
Bagaimanakah cara kamu sampai ke mari?

Contoh 13 menggunakan kata *iyen* (apa) untuk mengetahui tujuan kedatangan tetamu. Manakala Contoh 14 menghendaki maklumat berhubung dengan makna arah. Kata *minggo* (mana) dalam contoh ini juga menggunakan kata tanya mana untuk pengertian tempat, yakni pertanyaan kepada tempat atau arah kampung si

tetamu itu. Contoh 15 pula merujuk kepada makna jarak yang dikehendaki dengan penggunaan kata tanya *dangai* (berapa), yakni dirujuk kepada jarak jauhnya kampung yang dimaksudkan, sedangkan contoh 16 menghendaki jawapan cara untuk sampai ke tempat tujuan. Ayat tersebut ditandai dengan kata tanya *piyan* (bagaimana).

Selain itu, *Kalang Sama* juga memperlihatkan kaedah pertanyaan yang tidak disertai dengan penanda kata tanya. Ayat itu diketahui sebagai ayat pertanyaan berdasarkan intonasi tanya. Lihat contoh-contoh di bawah ini:

17. **Gai tu pen pitu jarang teq pitu.**
Mereka ini PEN jarang ke mari.
18. **Pulau dik parindu bege no pen tiyo.**
Pulau dik perindu demikian PEN jauh.
19. **Bengen dinakan aku tu run dinakan.**
Mempunyai saudara saya ini ada saudara.
20. **Run dekit tilau ku angkan dik tilau ku.**
Ada sedikit akan saya tanyakan.

Contoh 20 pula memberikan satu rujukan tentang lakuan bahasa yang taksa. Penggunaan kata *run* (ada) memberikan penanda bahawa ayat tersebut merupakan ayat pertanyaan. Dalam bahasa Bajau ayat tanya sebegini biasa digunakan, misalnya:

- a. **Run no gai teko?**
Mereka telah tiba?
- b. **Run no jomo rumaq ea?**
Rumah itu telah berpenghuni?

ILOKUSIONER

Lakuan ini merupakan lakuan yang berniat bahawa ujarannya itu sebagai satu bentuk gerak laku seperti memuji, mengkritik, bersetuju dan lain-lain. Menerusi lakuan ilokusioner terdapat lima kaedah lakuan yang boleh disenaraikan, iaitu lakuan pernyataan ruang, lakuan pernyataan waktu, lakuan pemesraan, lakuan perbandingan dan lakuan keyakinan.

LAKUAN PERNYATAAN RUANG

Konsep ruang membawa pengertian tentang kawasan penyebaran. Ruang dalam hal ini tidak terbatas, sama ada jauh ataupun dekat. Dalam *Isun-Isun*, konsep ruang menunjukkan maklumat jarak sesuatu tempat. Misalnya:

21. **Kampung ku kak leq tiyo telampau tiyo.**
Kampung saya abang PEN terlalu jauh.
22. **Banting kampung ku teq barat taq moto barat.**
Arah kampung saya PEN ke mata (arah) barat.
23. **Maklum no lat dik tiyo mungkin pen teq tiyo.**
Maklumlah negeri (daerah) jauh.
24. **Musai taq bangkar boi ngelimpas lautan tengaq lautan.**
Mengayuh rakit telah melintasi lautan tengah lautan.

Pernyataan ruang dalam contoh yang diberikan menunjukkan bahawa jarak yang ditempuhi pemeran untuk sampai ke kampung itu adalah sangat jauh. Pemeran menggunakan kaedah retorik dengan penggunaan arah mata angin seperti ayat 22, yakni *taq moto barat* untuk menunjukkan jarak kampung asalnya. Selain itu, pemeran juga menggambarkan bahawa dia hanya mengayuh rakit untuk melintasi lautan yang besar, sebagaimana contoh 24 di atas. Kaedah retorik sebegini menggambarkan kemampuan pemeran untuk menonjolkan betapa jauhnya jarak kampungnya.

LAKUAN PERNYATAAN WAKTU

Pernyataan waktu dalam *Kalang Sama* menjelaskan peredaran masa yang tidak ada batasnya, juga diungkapkan dengan cara retorik yang bertujuan memperkukuhkan konsep waktu itu. Misalnya:

25. **Uleq ti kekuri paad ni niaq taa.**
Kita bermain (menyanyi) tempohnya tidak panjang.
26. **Lanan dembuan taq lan entengaq lan.**
Perjalanan sebulan di tengah jalan.
27. **Ai kang kau demburi nesol demburi.**
Nanti kamu kemudian menyesal.
28. **Bege boi piatu kak iyang diom betong iyang.**
Demikian sudah piatu (sejak) dari dalam perut (rahim) ibu.

Contoh di atas menunjukkan pemeran menggunakan ungkapan secara tidak langsung seperti *paad ni niaq taa* (tempohnya tidak panjang); *lanan dembuan* (perjalanan sebulan); *demburi nesol* (kemudian menyesal); *piatu kak iyang diom betong* (piatu dari dalam perut (rahim) ibu) sebagai satu cara pernyataan tempoh masa. Cara pernyataan sebegini sebenarnya lebih meninggalkan kesan daripada memberitahu secara berterus terang. Cara ini juga menunjukkan salah satu sifat masyarakat Bajau yang tidak mahu berterus-terang dalam sesetengah hal.

LAKUAN PEMESRAAN

Kaedah ini berusaha menggunakan cara memesrakan diri untuk meyakinkan pendengar. Mesej yang mahu disampaikan adalah perasaan ikhlas dan jujur pemeran kepada pendengar bahawa dia 'bukannya' orang luar atau orang lain sebaliknya adalah saudara. Lihat misalannya:

29. **Diom atai ku nangis dekereso nangis.**
Dalam hati saya nangis seperti (hendak) menangis.
30. **Beran ku kau bana rojo dik masakin.**
Saya beritahu kamu sesungguhnya (saya) raja dik miskin.
31. **Setut ti upakat amun pen kiro ni.**
Bersama kita sepakat jika PEN kiranya.

32. a. **Nunduk dik meneq niaq no aku pandai.**
Saya tidak pandai memilih.
- b. **Kau no dik pandai memandai-mandai.**
Kamulah pilihkan (untuk saya).

Contoh yang diberikan menunjukkan pemeran berusaha memberi pertolongan. Pemeran berusaha merasai sendiri kesusahan yang dihadapi oleh pasangan penyanyinya. Hal ini dibuktikan melalui contoh 29 *diom atai ku nangis dekereso nangis* (dalam hati saya nangis seperti (hendak) menangis) yang menunjukkan pemeran sendiri hampir menangis mendengar kesusahan yang dihadapi rakannya, tetapi dalam masa yang sama, pemeran juga dengan ikhlas menyatakan kemiskinan yang beliau sendiri alami, namun masih sedia membantu. Akhirnya melalui contoh 31 *setut ti upakat amun pen kiro ni* (bersama kita sepakat jika kiranya) merupakan usaha pemesraan itu berhasil apabila pasangannya bersetuju untuk bersama-sama (hidup) sepakat dengan pemeran.

Selain itu, *Kalang Sama* juga menunjukkan lakuan pemesraan yang mempunyai rasa 'malu' di dalamnya sebagaimana contoh di bawah ini.

33. a. **Tekoq teq dik nulung tiyo ni pen aku.**
Saya agak sukar untuk menolong.
- b. **Niaq kerso atai nu diom atai nu?**
Tidakkah kamu dapat merasakannya?
34. a. **Beran ku kau bana rojo dik masakin.**
Saya beritahu kamu sesungguhnya (saya) raja dik miskin.
- b. **Amun dik niaq dasar tanaq labuq no entanaq.**
Jika tidak lantai telah lama jatuh ke tanah.

Contoh 33 dan 34 pula menunjukkan bahawa masalah kemiskinan yang dihadapi menyebabkan pemeran A agak sukar untuk memberikan persetujuannya untuk membantu kesusahan yang dialami oleh pemeran B. Hal ini digambarkan menerusi contoh 34 *beran ku kau bana rojo dik masakin, amun dik niaq dasar tanaq labuq no entanaq*. Ayat tersebut menjelaskan secara berlapik keadaan rumah pemeran A yang sudah usang. Memandangkan pemeran A malu dengan dirinya yang miskin, maka dia merasakan bahawa dia tidak mampu untuk membantu pemeran B menyelesaikan masalahnya.

LAKUAN PERBANDINGAN

Perbandingan merupakan salah satu kaedah dalam bahasa. Dalam *Kalang Sama* juga terdapat lakuan yang bersifat perbandingan antara manusia dengan haiwan, atau dengan kata lebih mudah adalah mengkiaskan satu-satu keadaan manusia itu dengan sifat haiwan. Dalam hal ini, Asmah Hj. Omar (1993: 190) menjelaskan perlunya penggunaan kata depan berikut: *seperti, laksana, sebagai, umpama, ibarat, bagaikan, seumpama*. Misalnya:

35. **Dokon** memanuk betah no boi jadi.
Sudah lama jadi seperti burung.
36. **Ibarat** suang manusia tu.
Manusia ini seperti sungai.
37. **Somo jo ruwo bi amun pen seb niaq.**
Sama sahaja rupa kamu jika PEN tidak.
38. **Ea no nironon memanuk masam memanuk.**
Itulah dinamakan seperti burung.

Contoh 35 menunjukkan penggunaan kata *dokon* (seperti) dan contoh 36 pula memperlihatkan penggunaan kata *ibarat*. Kedua-dua contoh ayat tersebut menggunakan burung untuk dijadikan sebagai objek perbandingan secara kiasan. Selain itu, melalui contoh 37 pemeran juga menggunakan lakuan perbandingan dengan menyamakan wajah pasangan penyanyinya dengan orang lain yang dikehendakinya. Sebenarnya ini adalah cara tidak berterus terang yang dilakukan pemeran untuk menyatakan rasa sukanya kepada pasangan penyanyinya.

LAKUAN PEYAKINAN

Kaedah ini adalah salah satu cara untuk meyakinkan pendengar. Lakuan ini dilakukan dengan usaha cuba meyakinkan pendengar sama ada dengan memujuk atau mempengaruhi pendengar atau memberi simpati kepada apa yang dikatakannya. Lakuan ini mempunyai persamaan dengan cara retorik. Dalam *Kalang Sama* terdapat penggunaan lakuan peyakinan yang bertujuan untuk meraih simpati pendengar atau khalayak. Misalnya:

39. Aku tu luman diriku ijin diri ku.
Saya sendiri mengizinkan diri sendiri
40. Sampai no babaq pasal ku teq kak.
Sebab (itulah) saya merayau.
41. Nyaun no teq sineq kak keluman dikauk keluman.
Tidak ada kawan sehidup (pasangan).
42. Betah no niaq run iyang mak ku kak.
Ibu bapa saya telah lama tiada.
43. Nisan ni loso betiru temban betiru.
Hanya nisannya sahaja yang tinggal kini.

Contoh 39 merupakan lakuan lokusioner yang menunjukkan niat yang cuba disampaikan oleh pemeran untuk menggambarkan keadaan dirinya yang yatim piatu. Contoh 40 dan 41 pula merupakan lakuan peyakinan yang menyatakan dengan jelas bahawa pemeran hidup bersendirian. Ayat tersebut menunjukkan rasa malu untuk menerangkan kedudukan diri pemeran A kerana pemeran A merasakan dirinya terlalu daif untuk 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan pemeran B. Maka kerana itu, pemeran A menggunakan frasa *sampai no babaq pasal ku teq kak* (seinggalah merayau saya abang) untuk menggambarkan situasi dirinya. Sedangkan menerusi contoh 42 dan 43 pula pemeran B cuba meyakinkan pemeran A bahawa dia hidup seorang diri kerana kedua orang tuanya telah tiada.

44. Tungan ku manja amun teq kak run.
Sekiranya abang, ada tempat saya bermanja.
45. Niaq teq aku dampar ngabut boi dampar.
Saya tidak akan 'hanyut' (terabai) sebegini.

Manakala ayat 44 dan ayat 45 pula menyatakan bahawa pemeran B hidup bersendirian menyebabkan dia merayau sendirian dan terabai.

46. Tungan kak numpang sisit no jomo.
Semua orang tempat menumpang.
Sukur kereso kak buas densoboq buas.
Sekadar merasa sesuap nasi.
47. Dokoq memanuk betah no boi elum.
(Saya) hidup seperti burung.
Nyaun kak seq ku nulung boi sanggup nulung.
Saya tidak mempunyai kawan yang sanggup menolong.
Bege boi piatu kak diom betong iyang.
Demikian sudah piatu abang, (sejak) dalam rahim ibu.

Contoh 46 yang menunjukkan keadaan diri si penyanyi dengan gambaran seperti ayat ini *tungan kak numpang sisit no jomo* (semua orang tempat menumpang). Contoh ini juga menunjukkan lakuan ilokusioner yang memaparkan cara pemeran menyatakan dirinya menumpang di sana sini untuk mendapatkan sesuap nasi. Sedangkan contoh yang lain pula adalah lakuan bahasa yang boleh/akan meninggalkan kesan kasihan akan keadaan pemeran sedemikian yang diungkapkan dengan ayat *sukur kereso kak buas densoboq buas* (sekadar merasa sesuap nasi). Kesemua contoh di atas menunjukkan usaha pemeran untuk meyakinkan khalayak akan keadaan dirinya dan dia cuba meraih simpati mereka.

PERLOKUSIONER

Lakuan perlokusioner merupakan lakuan yang mempunyai kesan langsung (*consequential effects*) terhadap ujaran yang dikemukakan. Biasanya lakuan perlokusioner adalah berentetan daripada lakuan lokusioner yang mengandungi perlakuan, pemikiran atau kepercayaan daripada pendengar terhadap lakuan itu. Lakuan perlokusioner merupakan tindakan bukan linguistik sebagai urutan atau lanjutan daripada lakuan lokusioner dan ilokusioner. Lakuan perlokusioner telah menyebabkan perubahan dalam minda pendengar yang menyebabkan pendengar menjadi bersedia dan berkeyakinan. Terdapat tiga jenis lakuan perlokusioner, iaitu lakuan perintah, lakuan larangan dan lakuan pernyataan tindakan.

LAKUAN PERINTAH

Modus perintah memerlukan gerak balas yang berupa tindakan. Dengan itu, perintah pada amnya ditujukan kepada orang kedua (Asmah Hj. Omar 1993: 399-400).

Pernyataan perintah dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu suruhan atau arahan dan permintaan dan silaan.

Dalam *Kalang Sama*, didapati lakuan permintaan hadir secara langsung. Permintaan merupakan perintah halus yang ditujukan kepada orang kedua. Contohnya,

48. Sebuli-buli doq aku tulungun doq aku.

Seboleh-bolehnya tolonglah saya.

49. Maku tulung sangkan no teq aku.

Sebab (itu) saya meminta tolong.

Contoh 48 *tulungun doq aku* (tolonglah saya) dan contoh 49 *maku tulung* (minta tolong) di atas merupakan modus permintaan langsung yang ditandai dengan kata *tulung* (tolong).

Kedua-dua contoh lakuan bahasa ilokusioner di atas menunjukkan niat (*intention*) dan kehendak penuturnya yang meminta pertolongan. Selain itu, terdapat satu lagi elemen perintah yang terkandung dalam genre, iaitu elemen ajakan seperti contoh berikut,

50. Alap no pen kiti duangan lum dik duangan.

Baiklah kita hidup berdua.

51. Alap no pen kiti dinakan siakun dinakan.

Baiklah kita mengaku bersaudara

Contoh 50 dan 51 memperlihatkan *alap* (baik) sebagai penanda kata ajakan. Ayat tersebut menunjukkan rasa malu yang cuba disembunyikan oleh pemeran A tentang hasratnya untuk meminang pemeran B. Bagaimanapun, pada mulanya reaksi pemeran B tidak meyakinkan menyebabkan pemeran A cuba mengubah topik dengan mengatakan *alap no pen kiti dinakan siakun dinakan* (baiklah juga kita bersaudara mengaku bersaudara).

Dalam bahasa Bajau, kata *alap no* atau *no* sering digunakan untuk makna ajakan, misalnya,

a. No, luman kiti.

Mari, kita jalan

b. Alap no kiti bebasaq jo.

Baiklah kita berbahasa (basa-basi) sahaja

LAKUAN LARANGAN

Kaedah ini digunakan dengan tujuan untuk melarang sesuatu perlakuan daripada dilakukan. Lihat contoh di bawah ini.

52. Da lagi nulung diang ku nak kak.

Jangan lagi menolong kasihan saya PEN abang.

53. Dong no kau birai diang ku nak kak.

Janganlah kamu kasihan, kasihan saya PEN abang.

54. Dong kau kiabut pikir doq teq kau.

Jangan kamu kelam-kabut fikir dulu PEN kamu.

55. Dong no kau tilau diyang ku nak kak.

Janganlah kamu bertanya kasihan saya.

Contoh-contoh tersebut menggunakan penanda kata *da* dan *dong* (jangan) untuk menunjukkan kaedah larangan yang ditekankan.

LAKUAN PERNYATAAN TINDAKAN

Lakuan pernyataan tindakan merupakan maklumat tentang sesuatu keadaan atau peristiwa yang memerlukan gerak balas yang berupa tindakan, sama ada tindakan itu telah dilakukan atau sebaliknya.

Contohnya:

56. Buaq durian boi no ku ngendoq.

Saya sudah mengambil buah durian.

57. Ai enaq ku dik lodo taq poon lodo.

Saya telah letakkan di bawah pokok lada.

58. Olos pelikat boi no ku makai.

Saya sudah memakai kain pelikat.

59. Run dangan ea engkadai ngogo dik engkadai.


Ada orang itu pergi ke kedai.

Contoh 56 *buaq durian boi no ku ngendoq* menjelaskan lakuan pernyataan yang bersifat tindakan, yakni menunjukkan perlakuan mengambil buah durian yang ditandai oleh kata *boi* (sudah). Demikian juga dengan contoh 57 yang menggunakan kata *ai* (telah) untuk menjelaskan pernyataan tindakan meletakkan batu (misalnya) di bawah pokok lada. Manakala contoh 58 pula menunjukkan pernyataan tindakan yang pemeran sudah memakai kain pelikat, sedangkan contoh 59 pula menunjukkan pernyataan bahawa seseorang telah pergi ke kedai.

KESIMPULAN

Penting bagi penutur dan pendengar mempunyai latar pengetahuan dan konteks yang sama untuk menghasilkan dan mentafsirkan sesuatu ujaran. Hal ini berguna kerana apa juga bentuk lakuan bahasa yang terdapat dalam masyarakat Bajau mestilah dilihat sebagai sebahagian daripada perlakuan budaya yang ditunjukkan dalam bentuk pengucapan dan perlakuan. Dengan lain perkataan, apa pun jenis lakuan bahasa dalam bahasa Bajau, ia sebenarnya menggambarkan tentang pemikiran, perasaan dan konteks budaya yang melatari dunia orang-orang Bajau.

Dengan penjelasan tentang tatacara penggunaan bahasa *Kalang Sama*, maka tatacara tersebut dapat dirumuskan melalui Rajah 1. Rajah 1 menjelaskan bahawa situasi bahasa adalah latar kepada peristiwa bahasa yang mengandungi tujuh jenis lakuan bahasa yang tersirat dalam *Isun-Isun*.



RAJAH 1. Tatacara Penggunaan Bahasa dalam Peristiwa
Kalang Sama

RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1992. *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Austin, J.L. 1962. *How to Do Things with Words*. New York: Oxford University Press.
- Brown, H. Douglas. 1980. *Principle of Language Learning & Teaching*. Englewood Cliff, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Daillie, Francois-Rene. 1988. *Alam Pantun Melayu-Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dundes, A. 1965. *The Study of Folklore*. Engleword Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- Finnegan, R. 1992. *Oral Poetry: its Nature, Significance and Social Context*. 2nd Edition. Bloomington: Indiana University Press.
- Fishman, J.A. 1972. *Domains and the Relationship between Micro and Macro – Sociolinguistics: the Ethnography of Communication*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Halliday, M.A.K. 1973. *Explorations in the Functions of language*. London: Edward Arnold.
- Hymes, D. 1971. Sociolinguistics and the ethnography of speaking. In *Social Anthropology and Linguistics*, edited by Ardener Edwin, 47-93. London: Tavistock Publications.
- Hymes, D. 1972. Models in interactions of language and social life. In *Directions in Sociolinguistics*, edited by Gumperz, J.J. & Dell Hymes, 35-71. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Lord, A.B. 1965. Oral poetry. In *Encyclopedia of Poetry and Poetics*, edited by A. Preminger. New Jersey: Princeton University Press.
- Ong, W.J. 1982. *Orality and Literacy: The Technologizing of the Word*. London: Methuan.
- Overbeck, H. 1922. The Malay pantuns. *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society (JSBRAS)* 85: 4-28.
- Phillips, N. 1981. *Sijobang: Sung Narrative Poetry of West Sumatra*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Saville-Troike, M. 1991. *Etnografi Komunikasi: Suatu Pengenalan*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Stubbs, M. 1983. *Discourse Analysis: The Sociolinguistics Analysis of Natural Language*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sweeney, A. 1980. *Reputations Lived On: An Early Malay Autobiography*. Berkeley: University of California Press.
- Winstedt, R.O. 1969. *Kamus Bahasa Malaysia*. Singapore: Marican and Sons.
- Yahaya Ismail. 1963. Sedikit tentang Naskhah Lama Melayu. *Dewan Bahasa* 7(9): 417.

Saidatul Nornis Hj. Mahali, Ph.D
Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
Universiti Malaysia Sabah
88400 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Email: saidatul@ums.edu.my